

**SULIT**

**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA  
KUALA LUMPUR**

---

**PERATURAN PEMARKAHAN  
MODUL *TOP 5* KUALA LUMPUR 2025  
BAHASA MELAYU 1103/1  
TINGKATAN 5  
Kertas 1**

---

---



**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

**KERTAS 1****Markah penuh : 100 markah****1.0 Tujuan Pengujian:** Untuk menguji kebolehan calon dalam;

- 1.1 Membina, mengumpul, memilih dan menyusun atur idea-idea, hujah-hujah dan bahan-bahan yang berkaitan dengan tajuk karangan.
- 1.2 Melahirkan idea, pendapat, hujah, pengalaman dan perasaan dengan bahasa yang jelas dan berkesan.
- 1.3 Menguasai teknik mengarang pelbagai bentuk karangan dan menggunakananya untuk pelbagai tujuan, menguasai penggunaan perenggan-perenggan dan tanda-tanda baca pada tempat-tempat dan keadaan yang sesuai.
- 1.4 Menulis dengan bahasa yang kemas, lancar dan jelas, struktur ayat yang betul dan gaya bahasa yang menarik serta bersesuaian dengan tajuk karangan.

**2.0 Langkah-langkah Pemeriksaan**

- 2.1 Pemeriksa hendaklah membaca setiap karangan dengan teliti untuk mendapatkan kesan daripanya, selepas itu menilai dan menganggarkan tahap karangan itu agar dapat dimasukkan ke dalam peringkat tertentu mengikut kriteria yang ditetapkan.
- 2.2 Pemeriksa membaca karangan itu kali kedua sambil menurunkan tanda-tanda pemeriksaan dan menetapkan markah berdasarkan kriteria-kriteria berikut:

**Bahagian A: Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan  
[30 Markah])**

**KRITERIA PENSKORAN**

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	<p><b>26 – 30</b>            (28 – 30)            (26 – 27)</p>	<p><b>Tema/ Tugasan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan menepati tema bahan rangsangan/tugasan.</li> </ul> <p><b>Idea</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Idea relevan</b> dengan tema bahan rangsangan/tugasan.</li> <li>• Huraian <b>jelas</b> dan <b>matang</b>.</li> </ul> <p><b>Bahasa</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Bahasa gramatis</b> dari segi kata dan ayat.</li> <li>• Penggunaan kosa kata dan <b>luas</b> dan <b>tepat</b>.</li> <li>• Unsur bahasa yang digunakan <b>bervariasi</b>.</li> <li>• Penggunaan ungkapan menarik yang <b>sesuai</b> dan <b>tepat</b>.</li> <li>• Ejaan yang <b>betul</b> mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu.</li> <li>• Penggunaan tanda baca <b>betul</b> dan <b>tepat</b>.</li> </ul> <p><b>Pengolahan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengolahan <b>menarik</b> dan <b>berkesan</b>.</li> <li>• Laras bahasa <b>sesuai</b> mengikut tugasan.</li> <li>• Wacana <b>lengkap</b>.</li> <li>• Pemerengganan <b>sesuai</b>.</li> </ul> <p><b>*Ungkapan menarik:</b> peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud ayat Al-Quran dan lain-lain.</p>

<b>Kepujian</b>	<b>20 – 25</b>  (23 – 25)  (20 – 22)	<p><b>Tema/ Tugasan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b>menepati tema</b> bahan rangsangan/tugasan.</li> </ul> <p><b>Idea</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Idea relevan</b> dengan tema bahan rangsangan/tugasan.</li> <li>• Huraian <b>jelas</b>.</li> </ul> <p><b>Bahasa</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Bahasa gramatis</b> dari segi kata dan ayat.</li> <li>• Penggunaan kosa kata dan <b>luas</b>.</li> <li>• Unsur bahasa yang digunakan <b>bervariasi</b>.</li> <li>• Ejaan yang <b>betul</b> mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu.</li> <li>• Penggunaan tanda baca <b>betul</b> dan <b>tepat</b>.</li> </ul> <p><b>Pengolahan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengolahan <b>menarik</b>.</li> <li>• Laras bahasa <b>sesuai</b> mengikut tugasan.</li> <li>• Wacana <b>lengkap</b>.</li> <li>• Pemerengganan <b>sesuai</b>.</li> </ul>
		<p><b>Tema/ Tugasan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b>masih menepati tema</b> bahan rangsangan/tugasan.</li> </ul> <p><b>Idea</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Idea <b>masih relevan</b> dengan tema bahan rangsangan/tugasan.</li> <li>• Huraian <b>masih jelas</b>.</li> </ul> <p><b>Bahasa</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bahasa <b>masih gramatis</b> dari segi kata dan ayat.</li> <li>• Penggunaan kosa kata dan <b>masih luas/ terhad</b>.</li> <li>• Unsur bahasa yang digunakan <b>masih bervariasi</b>.</li> <li>• Ejaan <b>masih</b> mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat <b>kesalahan ejaan</b> yang <b>ketara</b>.</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>Penggunaan tanda baca <b>masih</b> betul dan tepat.</li> </ul> <p><b><u>Pengolahan</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Pengolahan <b>masih</b> menarik.</li> <li>Laras bahasa <b>masih</b> sesuai mengikut tugasan.</li> <li>Wacana <b>masih</b> lengkap.</li> <li>Pemerengganan <b>masih</b> sesuai.</li> </ul>
<b>Penguasaan minimum</b>	<p style="text-align: center;"><b>10 – 14</b></p> <p>(12 – 14)</p> <p>(10 – 11)</p>	<p><b><u>Tema/ Tugasan</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Karangan <b>kurang</b> menepati tema bahan rangsangan/ tugasan.</li> </ul> <p><b><u>Idea</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Idea <b>kurang</b> relevan dengan tema bahan rangsangan/ tugasan.</li> <li>Huraian <b>kurang</b> jelas.</li> </ul> <p><b><u>Bahasa</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Bahasa <b>kurang</b> gramatis dari segi kata dan ayat.</li> <li>Kesalahan-kesalahan tatabahasa <b>ketara</b>.</li> <li>Penggunaan kosa kata <b>terhad</b>.</li> <li>Unsur bahasa yang digunakan <b>kurang</b> bervariasi.</li> <li>Ejaan <b>masih</b> mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat <b>kesalahan</b> ejaan yang <b>ketara</b>.</li> </ul> <p><b><u>Pengolahan</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Pengolahan <b>kurang</b> menarik.</li> <li>Laras bahasa <b>kurang</b> sesuai mengikut tugasan.</li> <li>Wacana <b>kurang</b> lengkap.</li> <li>Pemerengganan <b>kurang</b> sesuai.</li> </ul>

<b>Tidak mencapai tahap penguasaan minimum</b>	<b>1 – 9</b>  <b>(6 – 9)</b>  <b>(1 – 5)</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Calon <b>tidak</b> menunjukkan penguasaan kemahiran menulis.</li><li>• <b>Idea tidak menepati tema</b> bahan rangsangan/tugasan.</li><li>• <b>Banyak kesalahan bahasa</b> dari segi <b>kata</b> dan <b>ayat</b>.</li></ul>
--	--	--

**Bahagian B: Karangan Respons Terbuka****[70 Markah]**

<b>KRITERIA</b>	<b>DESKRIPSI</b>
1. BAHASA (Mekanis)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kegramatisan – kata (morfologi) – ayat (sintaksis)</li> <li>• Tanda baca</li> <li>• Ejaan</li> </ul>
2. IDEA (ISI)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tema</li> <li>• Isi utama</li> <li>• Pengembangan (huraian/ bahasan/ hujahan/ contoh)</li> <li>• Kerelevanan</li> </ul>
3. PENGOLAHAN	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Wacana</li> <li>• Logik</li> <li>• Pemerengganan</li> <li>• Laras/ format</li> </ul>
4. GAYA BAHASA	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Keindahan bahasa</li> <li>• Ungkapan</li> <li>• Peribahasa</li> </ul>

**Bahagian B: Karangan Respons Terbuka****[70 Markah]****KRITERIA PENSKORAN**

<b>PERINGKAT</b>	<b>MARKAH</b>	<b>KRITERIA</b>
Cemerlang	<p style="text-align: center;"><b>64 – 70</b></p> <p>(68 – 70)</p> <p>(64 – 67)</p>	<p><b>Tugasan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Karangan <b>menjawab</b> tugas.</li> </ul> <p><b>Idea</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li><b>Idea relevan</b> mengikut tugas.</li> <li>Huraian <b>jelas</b> dan <b>matang</b>.</li> <li>Contoh yang <b>sesuai</b>.</li> </ul> <p><b>Bahasa</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Penggunaan <b>pelbagai</b> jenis ayat yang <b>gramatis</b>.</li> <li>Penggunaan pelbagai jenis kata yang <b>luas</b> dan <b>tepat</b>.</li> <li>Penggunaan kosa kata <b>luas</b> dan <b>tepat</b>.</li> <li>Ejaan dan tanda baca yang <b>betul</b>.</li> <li>Penggunaan unsur bahasa <b>bervariasi</b>.</li> <li>Gaya bahasa <b>amat menarik</b> dari segi keindahan bahasa dan <b>penggunaan ungkapan</b> seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.</li> </ul> <p><b>Pengolahan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Pengolahan <b>sangat menarik</b> dan <b>berkesan</b>.</li> <li>Pemerengganan yang <b>sesuai</b>.</li> <li>Wacana <b>lengkap</b> dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan.</li> <li><b>Laras</b> bahasa <b>sesuai</b> mengikut tugas.</li> </ul>

<b>Kepujian</b>	<b>55 – 63</b>	<p><b>Tugasan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b>menjawab</b> tugasan.</li> </ul> <p><b>Idea</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Idea relevan</b> mengikut tugasan.</li> <li>• Huraian <b>jelas</b>.</li> <li>• Contoh yang <b>sesuai</b>.</li> </ul> <p><b>Bahasa</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan <b>pelbagai</b> jenis ayat yang <b>gramatis</b> tetapi terdapat <b>kesalahan</b> yang <b>minimum</b>.</li> <li>• Penggunaan <b>pelbagai</b> jenis kata yang <b>tepat</b>.</li> <li>• Penggunaan kosa kata <b>luas</b> dan <b>tepat</b>.</li> <li>• Ejaan dan tanda baca yang <b>betul</b>.</li> <li>• Penggunaan unsur bahasa <b>masih</b> bervariasi.</li> <li>• Gaya bahasa <b>menarik</b> dari segi keindahan bahasa dan <b>penggunaan unggapan</b> seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.</li> </ul> <p><b>Pengolahan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengolahan <b>menarik</b> dan <b>berkesan</b>.</li> <li>• Pemerengganan yang <b>sesuai</b>.</li> <li>• Wacana <b>lengkap</b> dan terdapat kesinambungan idea yang <b>jelas</b> antara perenggan.</li> <li>• <b>Laras</b> bahasa <b>sesuai</b> mengikut tugasan.</li> </ul>
	<b>45 – 54</b>	<p><b>Tugasan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b>masih menjawab</b> tugasan.</li> </ul> <p><b>Idea</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Idea <b>masih relevan</b> mengikut tugasan.</li> <li>• Huraian <b>masih jelas</b>.</li> <li>• Contoh <b>masih sesuai</b>.</li> </ul> <p><b>Bahasa</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan <b>pelbagai</b> jenis ayat yang <b>gramatis</b> tetapi terdapat <b>kesalahan</b> yang <b>minimum</b>.</li> <li>• Penggunaan <b>pelbagai</b> jenis kata yang <b>sesuai</b>.</li> <li>• Penggunaan kosa kata <b>umum</b>.</li> </ul>
	(50 – 54)	

		<ul style="list-style-type: none"> <li>Ejaan dan tanda baca yang <b>masih</b> betul.</li> <li>Penggunaan unsur bahasa <b>masih</b> bervariasi.</li> <li>Gaya bahasa <b>menarik</b> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan <b>kurang berkesan</b>.</li> </ul> <p><b>Pengolahan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Pengolahan <b>masih menarik</b>.</li> <li>Pemerengganan <b>masih</b> sesuai.</li> <li>Wacana <b>masih</b> lengkap.</li> <li>Laras bahasa <b>sesuai</b> mengikut tugasan.</li> </ul>
Memuaskan	<p style="text-align: center;"><b>35 – 44</b></p> <p>(40 – 44)</p> <p>(35 – 39)</p>	<p><b>Tugasan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Karangan <b>masih/ kurang</b> menjawab tugasan.</li> </ul> <p><b>Idea</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Idea <b>masih</b> relevan mengikut tugasan.</li> <li>Huraian <b>kurang</b> jelas.</li> <li>Contoh <b>kurang</b> sesuai.</li> </ul> <p><b>Bahasa</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Ayat <b>kurang</b> gramatis.</li> <li>Penggunaan <b>pelbagai</b> jenis kata yang <b>terhad</b>.</li> <li>Penggunaan kosa kata <b>umum</b> dan <b>terhad</b>.</li> <li>Ejaan dan tanda baca yang <b>betul</b> tetapi terdapat <b>kesalahan</b> yang <b>minimum</b>.</li> <li>Penggunaan unsur bahasa <b>kurang</b> bervariasi.</li> <li>Gaya bahasa <b>kurang</b> menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan <b>kurang</b> berkesan.</li> </ul> <p><b>Pengolahan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Pengolahan <b>kurang</b> menarik.</li> <li>Pemerengganan <b>kurang</b> sesuai.</li> <li>Wacana <b>masih/ kurang</b> lengkap.</li> <li>Laras bahasa <b>kurang</b> sesuai mengikut tugasan.</li> </ul>

<b>Penguasaan minimum</b>	<b>21 – 34</b>  (28 – 34)  (21 – 27)	<p><b>Tugasan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Karangan <b>kurang</b> menjawab tugasan.</li> </ul> <p><b>Idea</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Idea <b>masih</b> relevan mengikut tugasan/<b>bercampur aduk</b>.</li> <li>Huraian <b>tidak</b> jelas/ <b>tidak</b> berkembang.</li> <li>Contoh yang <b>tidak</b> sesuai.</li> </ul> <p><b>Bahasa</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Ayat <b>tidak</b> gramatis tetapi <b>masih</b> difahami.</li> <li>Penggunaan kata <b>kurang</b> tepat.</li> <li>Penggunaan kosa kata <b>umum</b> dan <b>terhad</b>.</li> <li>Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang <b>ketara</b>.</li> <li>Penggunaan unsur bahasa <b>tidak</b> bervariasi.</li> <li>Gaya bahasa <b>lemah</b> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan.</li> </ul> <p><b>Pengolahan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Pengolahan <b>tidak</b> menarik.</li> <li>Pemerengganan <b>tidak</b> sesuai/ <b>tidak</b> seimbang.</li> <li>Wacana <b>tidak</b> lengkap.</li> </ul>
<b>Tidak mencapai tahap penguasaan mimimum</b>	<b>1 – 20</b>  (11 – 20)  (1 – 10)	<ul style="list-style-type: none"> <li><b>Keseluruhan</b> karangan <b>sukar/ tidak</b> difahami.</li> <li>Idea <b>tidak</b> relevan/ <b>bercampur aduk</b> dan huraian <b>tidak</b> jelas/ <b>tidak</b> berkembang serta contoh <b>tidak</b> sesuai.</li> <li><b>Keseluruhan</b>nya menunjukkan penggunaan kata dan ayat yang <b>tidak</b> gramatis.</li> <li>Terdapat <b>kesalahan</b> ejaan dan tanda baca yang <b>ketara</b>.</li> <li>Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan <b>lemah</b> dan <b>tidak</b> menarik.</li> <li>Pengolahan <b>tidak</b> menarik.</li> <li>Pemerengganan <b>tidak</b> sesuai dan <b>tidak</b> seimbang.</li> <li>Wacana <b>tidak</b> lengkap.</li> </ul>

**3.0 Cara menanda kesalahan isi, ejaan dan tanda baca:**

- (                )      =    Kesalahan isi  
\_\_\_\_\_                          =    Kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan  
/                                  =    Kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas)  
//                                =    Kesalahan ejaan yang berulang  
                                  =    Kesalahan tanda baca

**SOALAN BAHAGIAN A (30 MARKAH)**

1. Format penulisan komen :

**Jumlah perkataan**

**Peringkat - markah**

**T - menjawab tugas**

**I - relevan, huraian jelas**

**B - gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas dan tepat**

**P - menarik dan berkesan**

*Baca kedua-dua e-mel di bawah dengan telitinya.*

*Anda dikehendaki menjawab **satu** daripada e-mel di bawah. Tulis e-mel anda itu selengkapnya.*

*Panjangnya e-mel anda hendaklah antara **150** hingga **200** patah perkataan.*

2. Kehendak/tugasan soalan:

- i. Calon mestilah memilih sama ada menjawab **e-mel 1** atau **e-mel 2**.
- ii. Sekiranya calon menjawab **e-mel 1**, calon dikehendaki menulis:
  - **pentingnya pelibatan dalam kokurikulum**
- iii. Sekiranya calon menjawab **e-mel 2**, calon dikehendaki menulis:
  - **cara-cara untuk cemerlang/ rahsia kejayaan dalam akademik dan kokurikulum**
- iv. Calon yang menulis melebihi 210 patah perkataan atau hingga ayat itu berakhir – maksimum peringkat **KEPUJIAN**
- v. Sekiranya calon menulis kurang daripada 140 patah perkataan – maksimum peringkat **MEMUASKAN**
- vi. Format: E-mel
  - Tiada alamat e-mel pengirim, penerima dan subjek – maksimum peringkat **KEPUJIAN**
- vii. Jika calon menulis dalam bentuk poin – maksimum peringkat **TIDAK MENCAPIAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM**

**SOALAN BAHAGIAN A (70 MARKAH)****1. Format penulisan komen:****Jumlah perkataan****Peringkat - markah****T - menjawab tugas****I - relevan, huraihan jelas****B - gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas dan tepat****P - menarik dan berkesan****Soalan 1**

PAPAR: Kerajaan Sabah akan mempergiat usaha menambah baik pemeliharaan warisan budaya dan memantapkan pengurusan alam sekitar bagi memacu dan memperkasakan industri pelancongan di negeri ini.

Ketua Menteri, Datuk Seri Hajiji Noor berkata, usaha mempermaju sektor pelancongan dengan meningkatkan produk pelancongan adalah selaras dengan komitmen kerajaan Malaysia untuk menjayakan kempen Tahun Melawat Malaysia (TMM) 2026 yang menyasarkan kedatangan lebih 35 juta orang pelancong.

Sumber: Bernama, 25 Januari 2025

Berdasarkan petikan di atas, huraihan usaha-usaha pihak kerajaan untuk memajukan sektor tersebut di Malaysia.

**Kehendak soalan/tugasan:**

1. Calon dikehendaki menghuraikan usaha-usaha pihak kerajaan untuk memajukan sektor pelancongan di Malaysia iaitu:
  - i. menambah baik pemeliharaan warisan budaya
  - ii. memantapkan pengurusan alam sekitar
  - iii. meningkatkan produk pelancongan

**Kemungkinan jawapan:**

1. Calon menghuraikan semua pihak dalam petikan dan menambah idea-idea lain yang berkaitan dengan peranan pihak lain – terima seperti biasa.
2. Calon menghuraikan sebahagian peranan pihak dalam petikan serta peranan pihak lain – maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
3. Calon menghuraikan sebahagian sebahagian peranan pihak dalam petikan sahaja – maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
4. Calon menghuraikan idea lain tanpa menyentuh idea dalam petikan – maksimum peringkat **BAIK**.

**Soalan 2**

Kebudayaan dan kesenian sesebuah negara melambangkan identiti dan warisan yang perlu dipelihara. Namun begitu, sewaktu mengharungi arus kemodenan, generasi muda semakin kurang menghargai seni budaya tradisional seperti tarian, muzik, pakaian tradisional, dan seni kraf tangan. Banyak festival kebudayaan yang dianjurkan juga tidak mendapat sambutan kerana kurangnya minat dan kefahaman tentang kepentingannya. Oleh itu, pelbagai langkah perlu diambil untuk memastikan warisan budaya negara terus kekal dalam jiwa rakyat.

Sumber: Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia. (2022).

Sebagai respons terhadap petikan di atas, huraikan peranan pelbagai pihak untuk memartabatkan perkara tersebut dalam kalangan masyarakat.

**Kehendak soalan/tugasan:**

1. Calon dikehendaki **menghuraikan peranan pelbagai pihak untuk memartabatkan warisan budaya negara dalam kalangan masyarakat**

**Kemungkinan jawapan:**

1. Sekiranya calon menghuraikan usaha **satu pihak sahaja** - maksimum peringkat **KEPUJIAN**.

**Soalan 3**

Huraikan kepentingan-kepentingan yang dinyatakan dalam petikan dan kepentingan lain penggunaan bahasa tersebut kepada negara.

Bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan yang memainkan peranan penting dalam pembentukan jati diri rakyat Malaysia. Selain itu, bahasa Melayu juga mendidik rakyat dengan nilai-nilai murni melalui kesusastraan yang kaya dengan karya bernilai tinggi seperti puisi, novel, dan cerpen.

Sumber: Dewan Bahasa dan Pustaka

**Kehendak/tugasan soalan:**

1. Calon dikehendaki **menghuraikan kepentingan-kepentingan penggunaan bahasa Melayu yang dinyatakan dalam petikan berserta kepentingan lain iaitu:**
  - i. pembentukan jati diri rakyat Malaysia.
  - ii. mendidik rakyat dengan nilai-nilai murni

**Kemungkinan jawapan:**

1. Calon menghuraikan isi dalam petikan sahaja – maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
2. Calon menghuraikan isi luar sahaja – maksimum peringkat **BAIK**

**Soalan 4**

Pensyarah Kanan Sejarah Politik Malaysia di Universiti Sains Malaysia (USM), Dr. Azmi Arifin berkata, kira-kira 80 peratus anak muda kini dikatakan tidak lagi peduli akan sambutan Bulan Kemerdekaan berbanding hanya 20 peratus yang masih kekal menghayati serta menanamkan semangat patriotisme dalam diri. Banyak sebab perkara ini berlaku ketika ini jika hendak dibandingkan dengan beberapa tahun lalu. Anak muda lebih banyak terpengaruh oleh budaya asing dan kurang membaca bahan bacaan yang berunsurkan patriotisme. Ibu bapa pula kurang menerapkan nilai patriotisme dalam sanubari anak remaja.

Sumber: kosmo.com.my

Huraikan faktor-faktor yang menyebabkan semangat ini semakin luntur dalam kalangan remaja.

**Kehendak soalan/tugasan:**

1. Calon hendaklah **menghuraikan faktor-faktor yang menyebabkan semangat patriotisme semakin luntur dalam kalangan remaja iaitu:**
  - i. terpengaruh oleh budaya asing
  - ii. kurang membaca bahan bacaan yang berunsurkan patriotisme
  - iii. ibu bapa pula kurang menerapkan nilai patriotisme

**Kemungkinan jawapan:**

1. Calon menghuraikan semua idea dalam petikan dan menambah idea-idea lain yang berkaitan faktor - terima seperti biasa.
2. Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan serta idea-idea lain – maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
3. Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan sahaja – maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
4. Calon menghuraikan idea lain tanpa menyentuh idea dalam petikan – maksimum peringkat **BAIK**.

**NOTA:**

- Jika calon menulis dalam bentuk poin – maksimum peringkat **TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM**
- Bilangan perkataan 511 ke atas – maksimum peringkat **KEPUJIAN**
- Bilangan perkataan 399 ke bawah – maksimum peringkat **BAIK**

Perkataan yang dikira sebagai satu patah perkataan.

1. Puisi
2. Alamat
3. Tarikh
4. Nama Khas
5. Peribahasa
6. Maksud Hadis/Al-Quran/Kata-kata Watak
7. Penanda wacana
8. Tajuk (rencana/surat)
9. Kata sendi 'di... (rumah)' dan 'ke... (sana)'
10. Nombor